

Najib garis 3 teras bina keupayaan diri graduan

Sikap positif, kurikulum bantu hadapi saingan cari pekerjaan

Oleh Rohaniza Idris

SERDANG: Datuk Seri Najib Razak menggariskan tiga teras utama untuk membina keupayaan diri graduan bagi membolehkan mereka berjaya memasuki pasaran pekerjaan yang semakin kompetitif.

Timbalan Perdana Menteri berkata, teras pertama yang perlu diberikan perhatian adalah untuk graduan membuat perubahan kepada kerangka minda dan sikap supaya pelajar universiti dapat bangkit menjana pemikiran baru.

Katanya, pelajar universiti perlu sedar bahawa kehadiran mereka di universiti sebenarnya mempunyai matlamat, haluan, tugas serta tanggungjawab bukan hanya kepada diri sendiri malah juga keluarga, masyarakat dan negara.

Justeru, katanya, pelajar hendaklah memupuk pemikiran yang dominan dan membentuk imej mental yang kental ke arah mencapai kejayaan untuk bersaing mendapatkan pekerjaan.

"Graduan hendaklah bertanya kepada diri sendiri mengenai perseediaan diri menjadi sebahagian daripada yang terbaik untuk ditawarkan jawatan dan mengatur strategi dengan mengambil kesempatan daripada segala peluang yang ada di universiti sebelum menempuh alam pekerjaan.

"Pemikiran dominan untuk membentuk imej mental yang kental pula menuntut perubahan sikap pelajar supaya tidak menjadikan budaya terlalu bergantung kepada kerajaan dalam mendapatkan pekerjaan.

"Sebaliknya, mereka perlu menjana perubahan minda dan sikap proaktif, gigih berusaha, berfikiran positif, berkeyakinan dan membina strategi yang berkesan dalam menangani masalah," katanya berucap merasmikan Karnival Kerjaya Kebangsaan 2007 di sini, semalam.

Karnival anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu berlangsung selama empat hari dan berakhir esok. Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed



INGIN TAHU: Najib melihat lebih dekat penggunaan sistem komputer Jabatan Tenaga Kerja Kementerian Sumber Manusia ketika Karnival Kerjaya Kebangsaan 2007, di Serdang, semalam.

Najib berkata, graduan juga perlu meletakkan matlamat untuk menimba seberapa banyak ilmu pengetahuan dan melatih diri dengan pelbagai kemahiran termasuk kemahiran komunikasi, keusahawanan, kepemimpinan, kreatif, inovasi, bahasa dan bidang lain.

Katanya, dengannya pelbagai kemahiran barulah mutu graduan dan pekerja dapat ditingkatkan seterusnya bersaing pada peringkat global.

Beliau berkata, teras kedua adalah memperkasa kurikulum universiti dengan semua institusi pengajian tinggi (IPT) memastikan kurikulum yang digubal bukan saja menjadikan graduan berilmu, tetapi sesuai serta relevan dengan keperluan guna tenaga dalam pasaran pekerjaan.

Katanya, hubungan universiti dengan industri juga perlu diperkuatkan dan bukan hanya dijalankan menerusi pemberian latihan dan

praktikal kepada pelajar universiti selain penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang berkaitan saja.

"Universiti dan industri perlu bekerjasama dalam penyediaan kurikulum. Universiti perlu tahu apakah ciri dicari majikan. Jika kita tahu apa yang diperlukan, mudah untuk universiti membuat persediaan menghasilkan graduan yang sesuai dengan pasaran kerja.

Beliau berkata, teras ketiga adalah memastikan graduan mampu bersaing pada peringkat antarabangsa dengan semua IPT mengukuhkan kerjasama yang lebih bermakna bukan saja dalam bidang pengajaran dan penyelidikan tetapi berkongsi kepakaran dan pengalaman.

"Menerusi perkongsian ini, IPT akan menghasilkan graduan berke-trampilan dan bertaraf dunia," katanya yang turut menyarankan se-

mua IPTA menggembleng usaha mencari jalan penyelesaian secara bersepadu untuk meningkatkan kualiti graduan.

Sementara itu, pada sidang media, Najib berkata, tiga teras itu sudah pun ada dalam pelan induk pendidikan untuk semua yang disediakan Kementerian Pengajian Tinggi bagi mewujudkan graduan bermutu.

"Banyak langkah sudah diambil kerajaan mengatasinya, malah pengambilan pekerja dijalankan jabatan kerajaan dikendalikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) kini lebih lancar," katanya.

Sementara itu, Mustapa Mohamed, berkata kementerianya sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi merapatkan jurang pengetahuan dan kemahiran teknikal di kalangan graduan supaya mereka sentiasa mengetahui kemahiran kerjaya terkini di pasaran.